

PM mahu hotel turun bayaran

Oleh Aminudin Ibrahim **B.H** - 8 AUG 1992

LANGKAWI, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pengusaha hotel di Langkawi menurunkan kadar bayaran bilik supaya pelancong terus mengunjungi pulau itu, di samping memberi pelbagai manfaat kepada semua pihak.

Beliau juga menggesa pengusaha hotel seluruh negara mengenakan kadar bayaran murah supaya Malaysia dikenali sebagai negara yang menyediakan tempat penginapan termurah berbanding negara lain.

Perdana Menteri kesal kerana kadar hotel dan barangan di Langkawi tinggi dan ini memberi kesan bagi tempoh jangka panjang.

"Setengah kadar bayaran penginapan di

Langkawi terlalu tinggi, manakala ada bilik yang disediakan terlalu kecil dan kadangkala tingkap pun tiada," katanya di perasmian Hotel De Lima Resort di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, pengerusi bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Tun Daim Zainudin dan beberapa Ahli Exco Kerajaan Negeri.

Perdana Menteri berkata, hasrat kerajaan ialah menyediakan penginapan pada kadar rendah, walaupun pelancong terpaksa membayar kadar tambang tinggi bagi pengangkutan untuk tiba ke negara ini.

Beliau juga mengingatkan pengusaha hotel tidak perlu mengenakan bayaran tinggi untuk menda-

patkan keuntungan dalam industri itu.

"Tindakan seperti itu tidak akan bertahan bagi tempoh jangka panjang, malah merugikan.

"Selain itu, tindakan mereka menaikkan kadar penginapan turut menyebabkan harga barangan lain meningkat," katanya.

Beliau menjelaskan barangan di Langkawi sepatutnya murah kerana pulau itu bebas cukai.

Dr Mahathir berkata, perkara itu kerap kali ditegur tetapi masih ada setengah pengusaha enggan menerimanya.

"Kos tinggi di pulau ini akan menyebabkan pelancong lari ke tempat lain," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan pengusaha hotel dan industri pelancongan

menyedari hakikat bahawa Malaysia terletak jauh dari punca pelancongan seperti Eropah.

"Walaupun Jepun lebih dekat dengan Malaysia, pelancongnya mempunyai banyak pilihan lain," katanya.

Beliau juga menegaskan pengusaha hotel tempatan tidak boleh membandingkan kadar penginapan tinggi di Eropah, Amerika Syarikat dan Singapura.

"Walaupun, mereka mengenakan kadar yang tinggi tetapi hanya mampu mencatat keuntungan kecil," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri juga berbangga dengan De Lima Resort yang menyediakan 1,500 bilik dengan pelbagai kemudahan pada kadar bayaran yang rendah.